



AGENCI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
NEGERI SELANGOR
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Lot 2, Solok Sultan Hishamuddin 16
Bandar Sultan Sulaiman
42005 PELABUHAN KLANG
Selangor Darul Ehsan



Tel : 03-31769100
Fax : 03-31765100

No. Rujukan : APMMDM4.100-2/1/1(.)
Bertarikh : 31 Mei 2021

SIARAN MEDIA

MARITIM MALAYSIA PATAHKAN CUBAAN SELUDUP DADAH BERNILAI RM3.33 JUTA

PELABUHAN KLANG, 31 MEI - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) telah berjaya menumpaskan cubaan menyeludup dadah disyaki jenis syabu seberat 31 kilogram dan ektasi seberat 25 kilogram di perairan Pulau Ketam, sekitar jam 11.00 malam tadi.

Timbalan Ketua Pengarah Operasi Maritim Malaysia, Laksamana Madya Maritim Kamaruzaman bin Abu Hassan berkata, rampasan dibuat ketika anggota penguat kuasa Maritim Malaysia sedang melaksanakan rondaan Op Belangkas di sepanjang perairan Selangor dan telah menahan sebuah bot fiber tanpa nombor pendaftaran di kedudukan 3.4 batu nautika dari barat daya Sungai Kapar Kecil.

Sebaik menyedari kehadiran aset Maritim, bot suspek cuba melarikan diri dan bertindak agresif. Setelah beberapa minit dikejar buru, bot suspek telah melakukan pergerakan merbahaya dengan bertindak untuk merempuh bot Maritim. Berikutan itu, anggota bot Maritim telah melepaskan beberapa das tembakan amaran namun tidak diendahkan. Bot suspek nekad untuk merempuh bot Maritim dan atas faktor mempertahankan diri beberapa das tembakan lagi telah dilepaskan ke arah bot suspek, seterusnya berlaku pelanggaran yang mengakibatkan bot suspek tenggelam di lokasi tersebut.

Tiga suspek, seorang warga Indonesia disyaki pendatang asing tanpa izin (PATI) berumur 24 tahun dan dua warga tempatan, lelaki berumur 70 tahun dan seorang perempuan berumur 40 tahun ditahan berserta empat guni berisi dadah berjaya dirampas. Hasil pemeriksaan mendapati seorang suspek lelaki warga tempatan telah tercedera dan disahkan meninggal dunia setiba di jeti Pasukan Polis Marin Pulau Indah Klang.

Suspek dan hasil rampasan yang dianggarkan bernilai RM3.33 juta itu dibawa ke Jeti Maritim Negeri Selangor untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi tindakan lanjut. Kes disiasat di bawah Akta Dadah Merbahaya 1952 jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati atau penjara seumur hidup.

Maritim Malaysia memandang serius terhadap operasi penguatkuasaan di laut dan akan mengambil tindakan tegas kepada setiap penjenayah yang melakukan aktiviti jenayah di sepanjang Zon Maritim Malaysia.

Jika terdapat aduan dan maklumat mengenai sebarang kegiatan jenayah maritim serta kecemasan di laut, sila hubungi Pusat Operasi Maritim Negeri Selangor di talian 03-31760627 yang beroperasi secara 24 jam atau talian kecemasan MERS 999 agar tindakan segera dapat diambil oleh Maritim Malaysia.

**LAKSAMANA MADYA (M) KAMARUSZAMAN BIN ABU HASSAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH OPERASI
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA**

- TAMAT -

Sebarang pertanyaan, sila hubungi:

LT Dya Maritim Noor Hasni@Idris bin Ismail : 019 257 5279

LK Maritim Muszamzuruddin bin Musa : 012-824 7658

Pegawai Perhubungan Awam Maritim Negeri Selangor